

CNS6425

U GB 07-03 00146 BH875

bah

MALAYSIA CADANG KELUARKAN KERETA BUFORI

Mahathir - Kereta

LANGKAWI, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia dijangka menjadi pengeluar kereta jenis +Bufori+ apabila cadangan untuk memindahkan operasi pengeluaran kereta itu dari Australia ke sini diluluskan oleh kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak mempunyai cadangan untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat pengeluar kereta itu untuk mengeluarkan kereta itu di Malaysia.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum melepasi pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan sehari ke sini.

Bufori ialah kereta sport model tahun 30-an yang dikeluarkan semula oleh syarikat kereta Bufori di Sydney, Australia.

Dr Mahathir turut memandu uji kereta itu di Hotel Sheraton Langkawi Resort di sini, diiringi oleh Pengerusi Eksekutif syarikat kereta itu, Anthony Khouri. -- Lagi

▼07/03/19-07MST

CNS6426

U GB 07-03 00182 BH876

bah

Mahathir - Kereta 2 Langkawi

Perdana Menteri berkata Bufori tidak akan menjadi saingan kepada Proton Saga kerana kereta mewah itu tidak dibuat untuk kegunaan orang ramai tetapi bagi golongan tertentu yang berkemampuan serta meminati kereta sport.

Khouri pula berkata, projek tersebut dijangka mula beroperasi di negara ini dalam tempoh enam bulan lagi.

Katanya, syarikatnya bersetuju berkongsi 50-50 dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak, dan akan mengeluarkan 100 unit setahun pada peringkat permulaan.

Beliau berkata, syarikatnya memilih Malaysia untuk memindahkan operasi pengeluarannya dari Australia ke sini kerana kos yang murah di negara ini.

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak, Datuk Effendi Norwawi pula berkata syarikat usahasama itu akan mengambil 100 peratus tenaga kerja tempatan di kilangnya nanti.

Beliau berkata, syarikat yang akan ditubuhkan bagi usahasama tersebut, bagaimanapun belum memutuskan untuk mengeluarkan kereta itu di Kuala Lumpur atau di Sarawak.

+Kemungkinan besarnya di Kuala Lumpur,+ katanya.

Syarikat itu akan mengeluarkan dua jenis kereta Bufori, iaitu 1,600 cc dan 3,800 cc, yang berharga antara \$150,000 hingga \$200,000. -- Bernama